

**Raja Muda Perlis Cadang Kolej Komuniti Wujudkan Hub Keusahawanan
Bernama
04 November, 2012**

KANGAR, 4 Nov (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mencadangkan Kolej Komuniti mewujudkan hub keusahawanan untuk membolehkan usahawan serta bakal usahawan mendapatkan maklumat tepat mengenai kegiatan perniagaan dan ekonomi.

Titah baginda Kolej Komuniti juga perlu menyediakan pelbagai latihan komprehensif kepada usahawan baru untuk meningkatkan kemahiran mereka.

"Langkah ini akan membantu negara melahirkan lebih banyak usahawan di negara ini," titah baginda ketika menutup program Cabaran Keusahawanan Kolej Komuniti 2012 peringkat kebangsaan Piala Menteri Pengajian Tinggi di Dataran Dato' Sheikh Ahmad di sini Ahad.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah bidang keusahawanan amat penting kerana ia akan membantu mengurangkan kadar kemiskinan baik untuk diri sendiri mahupun negara di samping menyumbang peningkatan ekonomi negara.

"Sungguhpun bilangan usahawan baharu semakin bertambah, namun tidak kurang juga yang tidak berjaya kerana tidak mempunyai pengalaman dan kelayakan dalam bidang perniagaan," titah baginda.

Baginda menasihati usahawan mengatur strategi yang lebih mantap dan tersusun termasuk melengkapkan diri dengan keupayaan kewangan, tenaga kerja dan peralatan.

Sebelum itu Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi, Amir Md Noor dalam ucapannya berkata sebanyak 73 kolej komuniti seluruh negara menyertai program itu yang turut membabitkan pertandingan bagi kategori produk makanan, produk bukan makanan dan perkhidmatan.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Puan Muda Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706924>